




**PELAN STRATEGIK
ICT (ISP)
MAJLIS PERBANDARAN KULAI
[2016 – 2020]**



ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Perutusan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai	iii
Kata-kata Aluan Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai	iv
Ringkasan Eksekutif	v
BAHAGIAN 1 : PENGENALAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KULAI	1
1.1 Latar Belakang Organisasi	2
1.2 Carta Organisasi	3
1.3 Fungsi Dan Peranan	4
BAHAGIAN 2 : PENGENALAN KEPADA BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	5
2.1 Latar Belakang ICT	6
2.2 Carta Fungsi Organisasi Semasa	7
2.3 Carta Organisasi	8
2.4Kemahiran Warga Kerja Bahagian Teknologi Maklumat	9
BAHAGIAN 3 : SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN	10
3.1 Cabaran Semasa	11
3.2 Trend ICT Terkini	12
3.2.1 Trend Teknologi ICT	13
BAHAGIAN 4 : HALA TUJU STRATEGIK	14
4.1 Visi	15
4.2 Misi	15
4.3 Moto	16
4.4 Teras Strategik	17
4.5 Objektif Strategik	18
4.6 Pelan Tindakan Strategik ICT	19
4.6.1 Teras 1 - Pengukuhan Tadbir Urus ICT	19
4.6.2 Teras 2 - Pengukuhan Infra & Info Struktur ICT	20
4.6.3 Teras 3- Pengukuhan Kompetensi Warga Kerja	21
4.6.4 Teras 4- Pembudayaan dan Pemanfaatan ICT di kalangan Komuniti	22
BAHAGIAN 5 : MEKANISME PELAKSANAAN/ PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	23
5.1 Kejayaan ICT	24
5.2 Elemen Penentu Kejayaan	41
PENUTUP	42

PERUTUSAN YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Assalamualaikum w.b.t, salam hormat dan salam muafakat Johor.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan taufik serta hidayahNya jua maka Bahagian Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Kulai telah berjaya menyiapkan PELAN STRATEGIK ICT (ISP) MAJLIS PERBANDARAN KULAI 2016-2020.

Dengan adanya ISP ini, keupayaan sebenar jabatan dapat dilihat dalam melaksanakan perancangan dan penyusunan strategi yang lebih rasional dan berkualiti. Ia juga dapat mengukur sejauh mana pencapaian jabatan dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dilakukan. Saya yakin dan sangat percaya bahawa Pelan Strategik ini akan menjadi satu dokumen penting ke arah pelaksanaan kerja yang lebih fokus, terancang, bersistematik dan mengutamakan kepuasan pelanggan.

Melalui Pelan Strategik yang ini, pelbagai aspek penting telah diberi keutamaan iaitu Aspek Pelanggan, Aspek Kewangan, Aspek Perkhidmatan Perbandaran, Aspek Perancangan & Pembangunan dan Aspek Proses Dalaman. Semua aspek ini dikenali sebagai Objektif Strategik. Ia akan disokong oleh pelaksanaan tindakan dengan sasaran tertentu iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang digubal bersama dan pihak pengurusan akan sentiasa memastikan setiap perancangan ini dipantau, disemak dan dikemaskini bagi memastikan Sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.

Warga kerja ICT hendaklah komited dan bersungguh-sungguh untuk menjayakan Pelan Strategik ini kerana ia milik kita dan direncanakan bersama. Biarlah ia menjadi wadah untuk usaha keras kita dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada warga Kulai. Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah manifestasi kesungguhan kita ke arah mencapai Organisasi Berprestasi Kelas Pertama.

“PERBANDARAN CEMERLANG, SEJAHTERA SEMUA”

Sekian, terima kasih.



(TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SALLEH)
Yang DiPertua ,
Majlis Perbandaran Kulai

KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Yang Maha Esa, Selawat dan Salam Ke atas Nabi Yang Tidak Ada Nabi Selepasnya; Nabi Kita Muhammad bin Abdullah serta ke atas keluarga dan juga sahabat baginda.

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua dokumen Pelan Strategik ICT (PSICT) ini dapat disiapkan mengikut jadual. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan terutama kepada Tuan Yang DiPertua, serta warga kerja Bahagian Teknologi Maklumat yang telah bersungguh-sungguh serta komited untuk menyiapkan Pelan Strategik 2016-2020 ini.

Dengan penyediaan PSICT ini, saya percaya bahawa halatuju pembangunan ICT MPKu di bawah penyeliaan Bahagian Teknologi Maklumat dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan efektif. Perancangan dan peruntukan kewangan lebih teratur berdasarkan kepada justifikasi setiap program yang dinyatakan di dalam Pelan Strategik ini. Semoga PSICT ini dapat digunakan sebagai garis panduan pembangunan ICT MPKu dengan mengambilkira keperluan daripada jabatan yang berkaitan sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

Akhir kata saya menyeru kepada seluruh warga kerja MPKu agar bersama-sama menjayakan perancangan ini dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan berintegriti serta iltizam yang tinggi.

“PERBANDARAN CEMERLANG, SEJAHTERA SEMUA”

Sekian, terima kasih.



(PUAN NORLIYATI BINTI MD NOR)
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kulai

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bengkel Pelan Strategik ICT (PSICT) Majlis Perbandaran Kulai telah diadakan pada 3 & 4 Mei 2016 dimana ia dijalankan secara dalaman dengan kerjasama khidmat perundingan dari Pasukan Perunding Strategik ICT Petaling Jaya yang diketuai oleh Tuan Alwan Bin Wakimin.

PSICT Majlis Perbandaran Kulai menggariskan halatuju strategik pelaksanaan ICT ke arah kecemerlangan pentadbiran kerajaan bersandarkan kepada kebolehpayaan ICT dalam usaha mendukung wawasan 2020 untuk tempoh lima tahun akan datang. Pelan ini merupakan pelan jangka panjang yang menetapkan halatuju perancangan, strategi pembangunan dan juga pelaksanaan projek-projek ICT bagi menyokong Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kulai. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pelan ini akan dikaji semula secara berkala bersesuaian dengan perubahan perkhidmatan dan kehendak pelanggan. Pelan ini akan meneliti tahap penggunaan, mengenalpasti pelbagai isu, cabaran serta kelemahan dalam pembangunan ICT.

Hasil analisis ke atas persekitaran semasa ICT, beberapa imperatif teras strategik telah disediakan bagi melaksanakan fungsi dan tugas yang dipertanggungjawabkan selaras dengan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT dengan sokongan tadbir urus ICT, sistem aplikasi, pembangunan sumber manusia dan teknologi iaitu:

- i. Pengukuhan Tadbir Urus ICT – Penyediaan Pelan, Pemantauan, Pemantapan Prosedur ICT, Manual / Latihan
- ii. Pengukuhan Aplikasi Infra & Info Struktur ICT yang Selamat dan Stabil
- iii. Pengukuhan Kompetensi Warga Kerja
- iv. Pembudayaan ICT dikalangan Komuniti

Secara keseluruhannya pelan ini bertujuan untuk pelaksanaan sistem yang efisien dan efektif serta berkesan dari segi kos yang cekap dan lebih berinteraktif. Justeru itu, pengemblengan tenaga dan sumber yang efisien perlu diwujudkan disamping jalinan kerja yang unggul, strategik, cekap dan berinovasi bagi memastikan pelan strategik ini berjaya dilaksanakan.

BAHAGIAN 1

Pengenalan kepada Majlis Perbandaran Kulai

1.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan dan diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sejarah penubuhan MPKu bermula dengan penubuhannya yang diberi nama Majlis Tempatan Kulai, ditubuhkan pada tahun 1950.

Pada tahun 1961, akibat perselisihan faham yang terjadi antara Malaysia dan Indonesia, Majlis Tempatan di seluruh Negara telah dibubarkan. Walau bagaimanapun pada 1 Januari 1976 nama Majlis Tempatan Kulai telah ditukar kepada nama Majlis Daerah Kulai. Ianya dibentuk daripada gabungan Sembilan (9) buah majlis tempatan iaitu Kulai, Senai, Kelapa Sawit, Seelong, Saleng, Sengkang, Ayer Bemban, Sedenak dan Bukit Batu. Kemudiannya Majlis Daerah Kulai (MDK) telah dinaik taraf kepada nama Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) pada tahun 2004.

Pada awal penubuhannya, Majlis Daerah Kulai (MDK) mempunyai keluasan kawasan seluas 123.336 km persegi merangkumi 40 rantai kiri dan kanan jalan raya Persekutuan utama bagi menuju ke Bandaraya Johor Bahru, Senai, Ayer Hitam dan Kota Tinggi.

Pentadbiran MDK juga meliputi laluan bagi Keretapi Tanah Melayu yang menghubungkan perjalanan daripada Utara hingga ke Selatan, dan Singapura. Lokasi strategik Kulai yang mudah untuk di hubungi dari pelbagai arah telah menyebabkan ia dipilih sebagai Ibu Pejabat untuk mentadbir kawasan-kawasan yang berada di bawah pentadbirannya.


MPKu juga telah menaik taraf Terminal Bas Kulai menjadi 'Rural Transformation Centre (RTC), yang mana dulunya suram, kini menjadi tempat yang dapat memudahkan urusan penduduk sekitar di bawah kawasan pentadbiran MPKu untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan seperti Pejabat Imigresen, Pejabat Pendaftaran Negara, Klinik Satu Malaysia dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Pada tahun 2016 di bawah Program Persempadanan Semula Mpkul telah menerima 6 kawasan baharu seluas 1,355.75 hektar dan menyerahkan kawasan Taman Teknologi dan sekitarnya seluas 2,430 hektar.

MPKu komited memberikan perkhidmatan perbandaran untuk memenuhi keperluan semasa penduduk kawasan pentadbiran MPKu yang berkeluasan 74,700 hektar termasuk penambahan 6 kawasan baharu iaitu Taman Pulau Emas, Bandar Pulau Jaya, Bandar Baru Kangkar Pulau, Taman Ulu Choh, Kampung Baru Ulu Choh dan Kampung Bahagia Ulu Choh.

Kini Bandar Kulai telah membangun dengan pesatnya dengan adanya tempat-tempat popular seperti Johor Premium Outlet (JPO) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di daerah Kulai ini yang menjadi tempat tumpuan pelancong dari dalam dan luar Negara. Di samping itu juga, kawasan pentadbiran MPKu telah dimasukkan ke dalam kawasan Iskandar Malaysia yang menjadi nadi dan tunggak pembangunan pesat Negeri.

1.2 CARTA ORGANISASI Majlis Perbandaran Kulai



1.3 FUNGSI & PERANAN




BAHAGIAN 2

Pengenalan kepada Bahagian Teknologi Maklumat

2.1 LATAR BELAKANG


Unit Komputer telah diwujudkan pada Julai 2007 dibawah penyeliaan Jabatan Kewangan, Majlis Perbandaran Kulai. Penubuhan asal unit ini hanya terdiri daripada seorang kakitangan dari kumpulan Pengurusan & Profesional iaitu Pegawai Teknologi Maklumat (F41). Selaras dengan pengstrukturkan semula organisasi dan penambahan kakitangan MPKu, Unit Komputer telah dinaiktaraf menjadi Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) efektif 1 Januari 2009 dimana BTM dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu :



Perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Kulai



2.2 CARTA FUNGSI ORGANISASI ICT SEMASA



2.3 CARTA ORGANISASI


Bahagian Teknologi Maklumat

CARTA ORGANISASI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



2.4 KEMAHIRAN WARGA KERJA BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT


Sesebuah jabatan atau bahagian sangat mendambakan pekerja yang berkualiti bukan sahaja dari segi disiplin tetapi juga yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang. Kakitangan yang berkemahiran dan menguasai bidang ICT amat diperlukan dalam mendokong usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat amnya dan juga operasi dalaman khususnya. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berkesan merupakan salah satu kunci utama ke arah mencapai aspirasi negara. Pada masa yang sama, pihak pengurusan MPKu akan memastikan warga kerja MPKu khususnya kakitangan ICT yang berkemahiran mengaplikasikan penggunaan ICT didalam perkhidmatan mereka. Kakitangan di Bahagian Teknologi Maklumat akan dilengkapi dengan kemahiran dalam bidang seperti berikut :




BAHAGIAN 3

SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN


3.1 CABARAN SEMASA



3.2 TREND ICT TERKINI



3.2.1 TREND TEKNOLOGI ICT



4th PLATFORM COMPUTING	DESCRIPTIVE TECHNOLOGIES	API ECONOMY	EVERYTHING AS A SERVICE
MOBILE COMPUTING	 CLOUD COMPUTING	OPEN APIs: Apps developed and controlled by : 1.Provider 2.Partners 3.Developer Community	 DEKSTOP-AS-A-SERVICE
SOCIAL NETWORKING			 SOCIAL NETWORKING
BIG DATA ANALYTIC	 INTERNET OF THING/ SENSOR		 INFRASTRUCTURE-AS-A-SERVICE
CLOUD COMPUTING			

BAHAGIAN 4

HALA TUJU STRATEGIK

4.1 VISI

**“ICT Pemangkin
Transformasi MPKu
sebagai Perbandaran
yang Mampan & Unggul”**

4.2 MISI

- ❖ Memantapkan Infra dan Info Struktur ICT yang Berkualiti Melalui Tadbir Urus Sumber Kewangan dan Peralatan Terkini, Pengurusan Keselamatan, Penyediaan Rangkaian, Kepakaran Khidmat Sokongan serta Pengurusan Pusat Pengkalan Data yang Efektif.
- ❖ Meningkatkan Pembudayaan ICT dikalangan Warga Kerja & Komuniti melalui Penyediaan Standard Operation Procedure (SOP) dan Peraturan, Pelaksanaan Latihan yang Berkesan, serta Pemantauan Penggunaan Aplikasi Pelbagai.
- ❖ Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian dan Perkongsian Maklumat melalui Sistem Promosi yang Berkesan, Penyediaan Saluran Maklumat yang Cepak serta Informasi Terkini dan Berintegriti.

4.3 MOTO

**“ KE ARAH
TRANSFORMASI
TEKNOLOGI TERKINI ”**

**Bahagian Teknologi Maklumat sentiasa melangkah
kehadapan dalam menongkah arus kemodenan
serta meneroka perubahan dan kecanggihan
teknologi seiring wawasan 2020.**

4.4 TERAS STRATEGIK



Pengukuhan Tadbir Urus ICT –
Penyediaan Pelan, Pemantauan,
Pemantapan Prosedur ICT, Manual /
Latihan



Pengukuhan Aplikasi Infra & Info
Struktur ICT yang Selamat dan
Stabil



Pengukuhan Kompetensi Warga
Kerja



Pembudayaan ICT dikalangan
Komuniti

4.5 OBJEKTIF STRATEGIK

TERAS STRATEGIK	OBJEKTIF STRATEGIK
1. Pengukuhan tadbir urus ICT	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan peranan jawatankuasa ICT • Memantapkan SOP & peraturan penggunaan perkakasan ICT • Memantapkan profesionalisma dan etika
2. Pengukuhan aplikasi infra & info struktur ICT yang selamat dan stabil	<ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf infrastruktur ICT bagi memenuhi keperluan organisasi • Membangun sistem maklumat berpusat yang selamat dan stabil • Meningkatkan keberkesanan sistem keselamatan data dari risiko dan ancaman
3. Pengukuhan kompetensi warga kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan tahap kecekapan penggunaan ICT mengikut skop tugas • Membina kepakaran anggota ICT seiring dengan perubahan teknologi semasa
4. Pembudayaan dan pemanfaatan ICT dikalangan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Memperluas liputan jalur lebar kepada komuniti • Meningkatkan kecekapan sistem keselamatan bagi mengatasi insiden jenayah. • Meningkatkan keberkesanan promosi dan khidmat sokongan bagi mengoptimalkan penggunaan

4.6 PELAN TINDAKAN STRATEGIK ICT

TERAS 1 :PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT

OBJEKTIF STRATEGIK	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN				Pelaksana
			2016	2017	2018	2019	
Memantapkan peranan Jawatankuasa ICT.	Jumlah masalah yang berjaya di atasi	100% aduan/masalah berjaya diselesaikan	Melantik jawatankuasa khas untuk membuat pemantauan : 1) Laman web. 2) CCTV 3) e-Rating 4) Integrasi data 5) Aset ICT	Menyediakan latihan bengkel dan kursus yang bersesuaian	1)Mensasarkan 100% aduan yang berjaya dilaksanakan	Semua unit di Jabatan ICT dan wakil Jabatan yang terlibat	
				mengikut kumpulan Jawatankuasa	2)Jawatankuasa yang dibentuk berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab		
Memantapkan SOP dan peraturan penggunaan perkakasan ICT.	Tahap pematuhan SOP	100% kakitangan mematuhi SOP penggunaan perkakasan	Memberikan taklimat dan tatacara penggunaan kepada warga kerja	Menyediakan manual pengguna pada setiap perkakasan ICT	Melaksanakan pemantauan bagi memastikan ianya tercapai	Setiap pengguna perkakasan ICT	
			Menyedia dan memantapkan SOP penggunaan perkakasan	Menyediakan jadual pemantauan bagi memastikan ianya tercapai	Mengambil tindakan yang bersesuaian		
Memantapkan profesionalisme dan etika dalam penggunaan ICT.	Tahap pematuhan	0% kes pelanggaran etika penggunaan ICT	Kempen kesedaran etika penggunaan ICT terhadap pengguna	Melaksanakan pemantauan berterusan	Mengambil tindakan yang bersesuaian	Semua unit di jabatan ICT yang terlibat	

TERAS 2 :PENGUKUHAN INFRA & INFOSTRUKTUR ICT

PELAN TINDAKAN							PELAKSANAAN		
		2016	2017	2018	2019	2020			
OBJEKTIF STRATEGIK	KPI	SASARAN							
Menaik taraf infrastruktur bagi memenuhi keperluan organisasi	Jumlah kelengkapan ICT yang dibekalkan kepada semua kakitangan	Mencapai tahap 100% lengkap kepada semua kakitangan	Pembelian menggantikan semua pc di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Pembelian bagi menggantikan semua Pc Dan Printer Di Jabatan Pentadbiran, Unit Pengurusan Kontrak, Korporat, Kejuruteraan, Landskap.	Menggantikan semua Pc Di Kaunter Bersepadu serta Kaunter- Kaunter Jabatan	Menggantikan semua Pc Di Jabatan Perancang Bandar, Osc, Unit Perhubungan Awam, Audit, Unit Tunggakan Cukai & Bangunan	Menggantikan semua Pc & Printer Di Jabatan Kewangan, Penguatkuasaan, Lesen, Teknologi Maklumat.	Unit Teknikal & Operasi	
	Tahap kelajuan jalur lebar yang dibekalkan kepada pengguna dalam	Minima 20 mbps pada 2019 (metro-e)	Mengenal pasti keperluan meningkatkan penggunaan line internet Sedia ada 2 mbps ke kapasiti lebih tinggi	Meningkatkan menjadi 12 mbps Permohonan bajet penambahan kapasiti 10mbps	Pembatalan list line 2 mbps dan menaik taraf menjadi 20 mbps	Pemantauan dan penyelenggaraan		Unit Teknikal & Operasi	
Menaik taraf infrastruktur bagi memenuhi keperluan organisasi	Jumlah (down time) yang dilaporkan	Zero (Down Time) disebabkan faktor dalam sistem rangkaian	Penstukturkan semula dan penyelenggaraan sistem rangkaian network dan telefon di Bilik Server Utama, Jabatan dan kaunter				Penyelenggaraan sistem rangkaian network dan telefon di Bilik Server Utama, Jabatan dan Kaunter	Penyelenggaraan sistem rangkaian network dan telefon di Bilik Server utama, Jabatan dan kaunter	Unit Teknikal & Operasi
			Pemasangan sistem rangkaian di bangunan baru		Pembelian Switch secara berperingkat bagi menggantikan switch sedia ada untuk memantapkan lagi sistem rangkaian				
			Penstukturkan semula dan penyelenggaraan sistem rangkaian network dan telefon di Bilik Server Utama, Jabatan dan Kaunter						
			Penambahan kelengkapan Bilik Kawalan Sistem di bangunan baru						

TERAS 3 :PENGUKUHAN KOMPETENSI WARGA KERJA

OBJEKTIF STRATEGIK	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN				PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	
Meningkatkan tahap kompetensi warga kerja	Tahap kompetensi warga kerja dalam menggunakan perisian dan sistem aplikasi	80 % anggota mencapai tahap kompetensi	Memberi latihan untuk pengguna ePBT Penilaian Cukai Lesen Sewa Sewa Pelbagai Kampaun Bil Pelbagai SISTEM KEWANGAN Pengurusan GST Pengurusan Aset Pengurusan Nota Minta Pengurusan Pembelian Pengurusan Pembayaran Pengurusan Akaun Pengurusan Pinjaman Penyelenggaraan dan baikpulih komputer OSC Online MICROSOFT OFFICE (ASAS) + (LANJUTAN): Word Excel Powerpoint Illustrator Photoshop After Effects Suntingan video sony vegas Merancang dan melaksana kursus				sumber manusia unit pentadbiran unit teknikal unit sistem
Meningkatkan tahap kompetensi warga kerja	Tahap kompetensi warga kerja dalam menggunakan perisian dan sistem aplikasi	80 % anggota mencapai tahap kompetensi	1. Forensic & Anti Forensic Data Recovery: Tools & Techniques 2. Networking 2. Web 3. Mobile AppGen 4. Server management 1. Mobile AppGen 2. Server management 3. Sosial Media 3. Web development 3. Internet Security PROBE UNTUK PORTAL MPKULAI (PROVIDER BASED EVALUATION)				warga ICT
Membina kepakaran anggota ICT	Tahap Kepakaran Anggota	90 % anggota pakar dalam bidang yang berkaitan dengan tugas	1. Forensic & Anti Forensic Data Recovery: Tools & Techniques 2. Networking 3. Mobile AppGen 4. Server management 1. Mobile AppGen 2. Server management 3. Sosial Media 3. Web development 3. Internet Security PROBE UNTUK PORTAL MPKULAI (PROVIDER BASED EVALUATION)				Unit Sistem


TERAS 4 :PEMBUDAYAAN DAN PEMANFAATAN ICT DIKALANGAN KOMUNITI

OBJEKTIF STRATEGIK	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN				Pelaksana
			2016	2017	2018	2019	
Memperluas liputan jalur lebar kepada komuniti	Jumlah lokasi yang mempunyai liputan 'wifi' dengan kekuatan liputan	2016 – 10 lokasi	Mengenalpasti keperluan dan menyediakan perkhidmatan WiFi di kawasan – kawasan tumpuan.	Mengenalpasti, menyediakan, menaiktaraf dalam menyediakan perkhidmatan WiFi di kawasan – kawasan tumpuan.			Unit Teknikal dan Operasi
		2017 – 15 lokasi					
		2018 – 20 lokasi					
		2019 – 22 lokasi					
Meningkatkan kecekapan sistem keselamatan bagi mengatasi insiden jenayah.	Jumlah CCTV yang berfungsi dengan baik	CCTV MPKu (17)	1. Melaksanakan penyelarasan skop tugas & tanggungjawab bagi urusan tadbir pengurusan CCTV				Unit Teknikal dan Operasi
		CCTV KPKT (16)	2. Memperkuatkan pengurusan dan pemantauan CCTV				
		CCTV IRDA (132)	3. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala				
			4. Menilai kecekapan (imej, kualiti, grafik, rakaman suara)				
Meningkatkan keberkesanan promosi dan khidmat sokongan bagi mengoptimalkan penggunaan	Tahap maklumbalas positif kepada sasaran komuniti	Mencapai tahap baik dan melepasi sasaran maklumbalas	5. Menaiktaraf CCTV yang berkualiti rendah kepada berkapasiti tinggi				Unit Sistem
			Mengemaskini dan menambahbaik media sosial yang menyalurkan informasi kepada orang awam terutama di sistem SMS, WhatsApp, Facebook, Instagram, Twitter dan laman web rasmi MPKu	1. Mempertingkatkan perkhidmatan atas talian dari pelbagai aspek seperti permohonan lesen perniagaan, permohonan sewa, serta sewa kemudahan komuniti			
				2. Menyediakan latihan kepada pengguna untuk urusan yang berkaitan secara atas talian			
				Merancang dan melaksanakan projek-projek ICT yang bersesuaian bagi membolehkan MPKu kearah kerajaan tanpa kertas (paperless)			

BAHAGIAN 5





MEKANISME PELAKSANAAN / PEMANTAUAN & PENILAIAN

5.1 KEJAYAAN ICT




KEJAYAAN 1 :

MODUL TINY TERM




KEJAYAAN 2 :

ACCESS DOOR



KEJAYAAN 3 :
CCTV DALAMAN (38 LOKASI)






KEJAYAAN 4 :
CCTV WIRELESS
(16 KPKT 132 IRDA 17 MPKu)







KEJAYAAN 5 :

THUMB PRINTS (4 LOKASI)








KEJAYAAN 6 :

E-RATING



KEJAYAAN 7 :





MYGOVERNMENT EXCHANGE



WEBSITE: <https://mybayar.gov.my>

KEJAYAAN 8 :

JPJ LINK



WEBSITE : <http://www.jpj.gov.my>





KEJAYAAN 9 :

ACTIVE DIRECTORY SYSTEM




KEJAYAAN 10 :

ANTIVIRUS SYSTEM



KEJAYAAN 11 :

CIMB BIZ CHANNEL





Website: <http://www.cimb.bizchannel.com.my>

KEJAYAAN 12 :



KAUNTER BAYARAN




(KAUNTER BERGERAK)



(KAUNTER PANDU LALU)







(KAUNTER BERSEPADU)



(KAUNTER BERGERAK)

KEJAYAAN 13 :

ONLINE PAYMENT




KEJAYAAN 14 :

LAMAN SOSIAL



KEJAYAAN 15 :

PABX TELEPHONE SYSTEM




KEJAYAAN 16 :

VLAN NETWORK SYSTEM



5.2 ELEMEN PENENTU KEJAYAAN



PENUTUP

Persekitaran yang semakin berubah serta harapan tinggi pelanggan dan pihak berkepentingan memerlukan MPKu sentiasa bersedia melakukan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan. Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik KPKT 2016 – 2020 disediakan bagi mencerminkan aspirasi dan komitmen bersungguh-sungguh seluruh warga kerja MPKu dalam menangani isu-isu strategik rakyat yang berkaitan peranan, fungsi dan bidang kuasa MPKu.

Sistem Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat.

Justeru, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kulai telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/ program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan berterusan dan 'respon time'. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Prestasi pencapaian setiap program/ aktiviti/ inisiatif akan diukur melalui KPI yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, Pelan Strategik 2016 – 2020 MPKu akan menyatukan dan menggerakkan setiap jabatan, bahagian dan unit di KPKT bagi mencapai visi, misi, matlamat dan moto disamping mencapai inisiatif MPKu yang telah ditetapkan.

Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan tadbir urus yang cekap dan efisien akan diteruskan selaras dengan hasrat kerajaan Negeri untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat, merencanakan pertumbuhan ekonomi, agenda pembangunan yang berdaya saing dan johor berkemajuan.